

**H**ARI Kebangsaan merupakan hari yang sangat penting dan signifikan bagi sesebuah negara yang merdeka dan berdaulat yang mana memberikan ruang kepada rakyat dan penduduk di negara ini menzahirkan perasaan cinta dan semangat patriotik mereka kepada raja, negara, bangsa dan agama serta kesatuan dan perpaduan mereka pada mempertahankan kemerdekaan, kedaulatan dan identiti bangsa.

Kita seharusnya bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala kerana menganugerahkan kepada kita semua nikmat hidup dalam sebuah negara yang merdeka dan berdaulat. Anugerah yang bernilai ini sewajarnya kita syukuri, sedari dan hayati.

Memperkatakan tentang menzahirkan perasaan cinta kepada negara dan dalam mendaulatkan serta menjaga identiti negara, belia-belia terutamanya hendaklah disuntik ke dalam jiwa dan sanubari mereka makna sebenar kemerdekaan kerana mereka ini juga merupakan generasi yang seterusnya yang akan mempertahankan kedaulatan dan kemerdekaan negara. Schubungan dengan ini, kita seharusnya juga mempunyai belia atau generasi berwawasan.

Dalam sama-sama memeriahkan Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-31 Tahun dengan tema 'Generasi Berwawasan', pewarta PELITA BRUNEI sempat mewawancara beberapa belia negara ini.

Awang Abdul Hanif/Haji Moksin, 25, penuntut Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal menjelaskan di mana generasi berwawasan boleh kita kategorikan sebagai individu atau kumpulan yang bakal menjadi pewaris atau pemimpin pada satu-satu organisasi atau persatuan dan maksud berwawasan pula ialah satu impian, misi atau matlamat yang akan dicapai.

"Generasi berwawasan adalah matlamat negara yang harus dicapai oleh generasi masa kini, iaitu Wawasan 2035. Untuk mencapai matlamat negara 2035, mereka ini hendaklah mempunyai daya kreatif, berinovatif, berdisiplin dan efektif serta mempunyai fikiran positif selain mestilah menjadikan diri mereka itu seorang yang beriman, beramal dan patuh mengikut prinsip negara Melayu Islam Beraja (MIB)," jelasnya.

Menurutnya lagi, para remaja atau muda-mudi adalah pewaris bagi masa hadapan dan mereka adalah aset yang berharga agar agama Islam tetap dihayati dan

# Obor perjuangan generasi berwawasan

Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman

Foto : Mohd, Zul-Izzi Haji Duraman, Ak. Jefferi Pg. Durahman

dipraktikkan oleh masyarakat Islam dalam masa hadapan kerana mereka ini merupakan harapan masyarakat dan negara.

Sementara menurut Dayang Hasmilah binti Ismail, 30, mahasiswi semester akhir Ijazah Sarjana Muda Sains Perkomputeran Internet, Institut Teknologi Brunei pula menjelaskan, generasi berwawasan adalah penting sebagai pemangkin untuk membangunkan sesebuah negara baik dari kejayaan sosial, ekonomi dan sebagainya.

Jelasnya lagi, generasi adalah pewaris masyarakat yang bakal memimpin negara, manakala wawasan pula satu bentuk cita-cita yang ingin dicapai oleh negara.

Bagi Dayang Hasmilah pula ciri-ciri yang perlu ada pada setiap individu untuk mencapai generasi berwawasan mereka seharusnya mempunyai pengetahuan yang meluas, mempunyai kemahiran yang tinggi dalam pelbagai bidang, bijak menilai dan rasional dalam mengambil setiap keputusan dan mempunyai sikap ingin sentiasa maju.

"Generasi sebegini juga harus mampu hidup berdaya saing secara sihat, berdisiplin dan bersifat terbuka untuk menerima apa jua teguran yang membina, di samping harus mempunyai sifat-sifat terpuji yang boleh dicontohi kelak oleh generasi seterusnya," terangnya.

Sementara salah seorang lagi graduan Sarjana Muda Bahasa Arab Fakultas Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Universiti Islam Sharif Ali, iaitu Awang Mohammad Fakrul Amirin, 22 tahun berpendapat, generasi berwawasan itu memberi kita makna yang mendalam bukan hanya untuk masa kini akan tetapi untuk masa hadapan.

Tambah Awang Mohammad Fakrul pula generasi berwawasan amat penting kerana sebagai pelapis jentera negara, visi dan misi perlu jelas, di mana mereka juga seharusnya mempunyai jiwa patriotik serta semangat kemerdekaan yang sentiasa ditani

dalam jiwa mereka agar tercapai Wawasan Negara 2035.

"Bagi saya kriteria yang perlu ada pada belia ialah akhlak yang mulia berlandaskan ajaran Al-Qur'an dan As-Sunnah. Sahsiah diri yang tinggi dari segi ilmu dan kepimpinan, serta daya ketahanan mental dan fizikal bagi persiapan dan benteng dalam menghadapi arus gelombang globalisasi yang serba mencabar," jelasnya.

Ke arah itu juga terang Awang Mohammad Fakrul adalah penting bagi kita belia negara memastikan agar bersedia untuk membawa obor perjuangan kita pada masa hadapan untuk menjadi golongan generasi yang bolch diharapkan, bukan sekadar untuk membina masyarakat dan negara yang maju jaya tetapi lebih penting adalah Islam akan sentiasa terus menjadi panduan masyarakat kita.

Bagi Sheikh Husrin Jairul Azry bin Sheikh Hassan, 23 tahun, merupakan mahasiswa UNISSA Tahun 3 dalam jurusan Sarjana Muda Dwi-Ijazah Undang-Undang dan Undang-Undang Syariah berpendapat, kita sebagai belia negara yang akan menerajui negara pada masa hadapan mestilah mempunyai misi dan visi bagi mencapai Wawasan Negara 2035 seperti yang kita harap-harapkan.

Dengan itu tambahnya, sudah setentunya kita sebagai generasi berwawasan harus bersikap proaktif dalam semua aspek dan ini selaras dengan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia bagi melahirkan generasi yang berpendidikan tinggi dan berdaya saing bukan saja di dalam negara tetapi di arena antarabangsa.

"Bagi menentu generasi berwawasan kita mestilah bermula pada diri kita sendiri dengan menanamkan wawasan hidup kita, wawasan untuk keluarga, agama, bangsa dan negara. Tetapi Wawasan 2035 tidak akan dapat kita capai tanpa adanya sokongan padu serta kerjasama yang jitu dari semua pihak samada pihak kerajaan atau



**BELIA** aset negara oleh itu wajar bagi mereka menzahirkan perasaan cinta dan semangat patriotik mereka kepada raja, negara, bangsa dan agama serta kesatuan dan perpaduan mereka pada mempertahankan kemerdekaan, kedaulatan dan identiti bangsa.

swasta untuk mencapai hasrat murni tersebut," ujar beliau.

Terang beliau lagi, kita sebagai generasi berwawasan seharusnya menjadikan falsafah negara MIB dan konsep Negara Zikir sebagai garis pandu untuk kita sama-sama berusaha merealisasikan Wawasan 2035 dan semoga dengan adanya semangat cintakan Negara Brunei Darussalam akan dapat menuju Wawasan 2035 yang kita impikan kerana kita mempunyai segolongan muda-mudi Islam yang berupaya menjadi kebanggaan dan harapan masyarakat kita tambahan skarang kita melihat semakin ramai anak muda kita yang berpelajaran tinggi mempunyai kesedaran dan penghayatan terhadap agama Islam.

Sementara itu, bagi Dayang Rasyidah, seorang peserta ikrar sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-31 berpendapat, generasi berwawasan adalah generasi muda masa kini yang mempunyai matlamat dan tujuan untuk menerajui Negara Brunei Darussalam pada masa akan datang. Generasi yang mempunyai wawasan yang akan memajukan negara dengan ciri-ciri kepimpinan yang mantap dan akhlak yang

terpuji demi mencapai hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk mencapai visi dan misi negara selaras dengan Wawasan 2035. Dengan adanya generasi yang berwawasan dan pada masa yang sama berpegang teguh dengan falsafah negara iaitu MIB, InsyaaAllah Negara Brunei Darussalam akan menjadi sebuah Negara Zikir yang maju dan dirahmati Allah Subhanahu Wata'ala di dunia dan juga di akhirat.


**Kita seharusnya bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala kerana menganugerahkan kepada kita semua nikmat hidup dalam sebuah negara yang merdeka dan berdaulat. Anugerah yang bernilai ini sewajarnya kita syukuri, sedari dan hayati.**



**DAYANG** Rasyidah berpendapat, generasi berwawasan dan berpegang teguh dengan falsafah Melayu Islam Beraja, Negara Brunei Darussalam akan menjadi sebuah Negara Zikir yang maju dan dirahmati Allah Subhanahu Wata'ala.



**AWANG** Mohammad Fakrul Amirin, 22 tahun, mahasiswa Universiti Islam Sharif Ali yang mengikuti Jurusan Sarjana Muda Bahasa Arab.



**DAYANG** Hasmilah binti Ismail, 30 tahun, mahasiswi semester akhir Ijazah Sarjana Muda Sains Perkomputeran Internet, Institut Teknologi Brunei.



**SHEIKH** Husrin Jairul Azry bin Sheikh Hassan, 23 tahun, mahasiswa UNISSA Tahun 3 dalam jurusan Sarjana Muda Dwi-Ijazah Undang-Undang dan Undang-Undang Syariah.



**AWANG** Abdul Hanif Haji Moksin, 25 tahun, penuntut Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal berpendapat, generasi berwawasan adalah matlamat negara yang harus dicapai oleh generasi masa kini.